



14 April 2026
14 April 2026
P.U. (A) 170

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PATEN
(PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2026

*PATENTS (COMPOUNDING OF OFFENCES)
REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PATEN 1983

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 76A Akta Paten 1983 [Akta 291], Menteri, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Paten (Pengkompaunan Kesalahan) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2026.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Kesalahan yang boleh dikompaun itu boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tatacara mengkompaun

3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, pegawai berkuasa boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya yang disebut dalam subperaturan 2(2), mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan adalah sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh pegawai berkuasa secara bertulis, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

Penyetujuterimaan kompaun

4. Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada pegawai berkuasa.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompaun itu melalui—

(a) wang tunai atau melalui kiriman wang, kiriman wang pos atau draf bank yang dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada pegawai berkuasa; atau

(b) kad kredit, kad debit, kad caj, kad prabayar atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain.

(2) Pembayaran yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar di alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(3) Pegawai berkuasa hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat.

(4) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah perenggan (3) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik jika pembayaran dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik.

Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat

6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

JADUAL PERTAMA

[Subperaturan 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta Paten 1983 [*Akta 291*] yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

- (a) seksyen 62A;
- (b) seksyen 62B;
- (c) seksyen 63;
- (d) subseksyen 64(1);
- (e) perenggan 65(1)(a);
- (f) perenggan 65(1)(b);
- (g) seksyen 66;
- (h) seksyen 66A;
- (i) perenggan 76(a);
- (j) perenggan 76(b);
- (k) perenggan 76(c); dan
- (l) subseksyen 80(2).

JADUAL KEDUA

BORANG 1

[Subperaturan 2(2)]

AKTA PATEN 1983

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2026

KEIZINAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 76A Akta Paten 1983 [Akta 291] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593], saya (*nama*) dengan ini memberikan keizinan untuk mengkompaun (*nama orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*) bagi kesalahan yang dilakukan di bawah yang dikatakan telah dilakukan pada (*tarikh*) di (*tempat*).

Tarikh:

.....
*Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya*

BORANG 2

[Subperaturan 3(1)]

AKTA PATEN 1983

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2026

TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Pegawai Berkuasa,

.....
.....
.....

Kepada:

.....
.....
.....

Cawangan: Tempat:

No. Laporan Polis: Tarikh:

No. Laporan Cawangan:

*Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda/.....
(nyatakan nama *syarikat/perniagaan/badan lain dan nombor pendaftaran, jika ada) dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Paten 1983 [Akta 291] dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan **Akta yang berkaitan:
.....

(b) tarikh:

- (c) masa:
- (d) tempat:
- (e) butir-butir kesalahan:

2. Menurut seksyen 76A Akta Paten 1983, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM
(..... (*dalam perkataan*) ringgit sahaja).

3. Sekiranya tawaran kompaun diterima, bayaran hendaklah dibuat melalui—

(a) wang tunai atau melalui *kiriman wang/wang pos/draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada pegawai berkuasa dan hendaklah diserahkan sendiri kepada pegawai berkuasa atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang berikut:

.....
.....
.....
.....; atau

(b) *kad kredit/kad debit/kad caj/kad prabayar atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain.

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.

5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran ini diterima oleh anda.

6. Sekiranya tiada bayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda (nyatakan nama *individu/syarikat/perniagaan/badan lain dan nombor pendaftaran jika ada) tanpa notis selanjutnya.

.....

Tarikh:

.....

Pegawai Berkuasa

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

***Masukkan nama perundangan yang berkaitan*

BORANG 3

[Peraturan 4]

AKTA PATEN 1983

PERATURAN-PERATURAN PATEN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2026

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Pegawai Berkuasa,

.....
.....
.....

*Tuan/Puan,

Saya merujuk kepada Borang 2 dengan nombor rujukan
bertarikh

Cawangan: Tempat:

No. Laporan Polis: Tarikh:

No. Laporan Cawangan:

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan itu dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun dan disertakan bersama dengan ini pembayaran melalui *wang tunai/kiriman wang/wang pos/draf bank No. dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" yang kena dibayar kepada "Pegawai Berkuasa" atau melalui *kad kredit/kad debit/kad caj/kad prabayar atau apa-apa bentuk pemindahan wang secara elektronik yang lain sebanyak RM (..... (*dalam perkataan*) ringgit sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Borang 2.

Tandatangan :

Nama (*dalam huruf besar*) :

*No. Kad Pengenalan/No. Pasport :

Untuk dan bagi pihak :

(*jika berkenaan*) (nama *syarikat/perniagaan/badan lain)

*No. Pendaftaran/No. Lesen :

(*jika berkenaan*)

Cop rasmi *syarikat/perniagaan/ :

badan lain (*jika berkenaan*)

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

** Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Dibuat 8 April 2026
[KPDN.100-1/1/11; PN(PU2)410/JLD.8]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

Diluluskan 10 April 2026
[KPDN.100-1/1/11; PN(PU2)410/JLD.8]

TAN SRI MOHD DUSUKI BIN MOKHTAR
Pendakwa Raya Malaysia

PATENTS ACT 1983

PATENTS (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by section 76A of the Patents Act 1983 [Act 291], the Minister, with the approval of the Public Prosecutor, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Patents (Compounding of Offences) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 15 April 2026.

Compoundable offences

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The compoundable offences may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

Procedure for compounding

3. (1) Upon receipt of any information or complaint that a compoundable offence has been committed, the authorized officer may, with the consent in writing of the Public Prosecutor referred to in subregulation 2(2), issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule.

(2) An offer to compound an offence shall be valid for a period of fourteen days starting from the date the offer is received by the person to whom the offer is made or such extended period as the authorized officer may grant in writing, and if full payment of the sum offered is made on or before the expiry of fourteen days or such extended period granted, no further proceedings shall be taken against the person who committed such offence.

Acceptance of compound

4. A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule and return the Form 3 to the authorized officer.

Payment of compound

5. (1) If an offer to compound an offence is accepted by the person to whom the offer is made, he shall pay the compound by—

(a) cash or by money order, postal order or bank draft crossed with the words “Account Payee Only” made payable to the authorized officer; or

(b) credit card, debit card, charge card, prepaid card or any other forms of electronic fund transfer.

(2) The payment made under paragraph (1)(a) shall be delivered personally or sent by prepaid registered post to the address specified in Form 2 of the Second Schedule.

(3) The authorized officer shall issue an official receipt for every payment received under subregulation (1) to the person to whom the offer to compound an offence is made.

(4) An official receipt issued under paragraph (3) shall include any electronic receipt if the payment is made through an electronic fund transfer.

Prosecution may be instituted if no payment made

6. If no payment of the compound offered is made within the period specified in subregulation 3(2), prosecution may be instituted without further notice.

FIRST SCHEDULE

[Subregulation 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The offences committed under the following provisions of the Patents Act 1983 [Act 291] are prescribed as compoundable offences:

- (a) section 62A;
- (b) section 62B;
- (c) section 63;
- (d) subsection 64(1);
- (e) paragraph 65(1)(a);
- (f) paragraph 65(1)(b);
- (g) section 66;
- (h) section 66A;
- (i) paragraph 76(a);
- (j) paragraph 76(b);
- (k) paragraph 76(c); and
- (l) subsection 80(2).

SECOND SCHEDULE

FORM 1

[Subregulation 2(2)]

PATENTS ACT 1983

PATENTS (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2026

CONSENT TO COMPOUND OFFENCES

IN exercise of the powers conferred by section 76A of the Patents Act 1983 [Act 291] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593], I (*name*) hereby give consent to compound (*name of the person to whom the compound offer is made*) for the offence committed under which is said to have been committed on (*date*) at (*place*).

Date:

.....
*Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor*

FORM 2

[Subregulation 3(1)]

PATENTS ACT 1983

PATENTS (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2026

OFFER TO COMPOUND OFFENCES

Authorized Officer,

.....
.....
.....

To:

.....
.....
.....

Branch : Place:

Police Report No. : Date:

Branch Report No. :

*Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you/
(state name of *company/business/other body and the registration number, if any) and
you are found to have committed the offence under the Patents Act 1983 [Act 291]
with the following particulars:

(a) relevant provisions of the **Act:
.....

(b) date:

- (c) time:
- (d) place:
- (e) particulars of offence:

2. Pursuant to section 76A of the Patents Act 1983, with the consent in writing of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence stated above for the sum of RM
(..... (in words) ringgit only).

3. If the offer to compound is accepted, payment shall be made by—

(a) cash or by *money order/postal order/bank draft crossed with the words “Account Payee Only” made payable to the authorized officer and shall be delivered personally to the authorized officer or sent by registered post to the following address:

.....
.....
.....
.....; OR

(b) *credit card/debit card/charge card/prepaid card or any other forms of electronic fund transfer.

4. An official receipt shall be issued on receipt of payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid for a period of fourteen days starting from the date the offer is received by you.

6. If there is no payment received within the period referred to in paragraph 5, the prosecution for the offence may be instituted against you (state name of *individual/company/business/other body and the registration number, if any) without further notice.

.....
Date:

.....
Authorized Officer

**Delete whichever is inapplicable*
***Insert citation of relevant legislation*

FORM 3

[Regulation 4]

PATENTS ACT 1983

PATENTS (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2026

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES

To:

Authorized Officer,

.....
.....
.....

*Sir/Madam,

I refer to Form 2 bearing the reference number
dated

Branch : Place:
Police Report No. : Date:
Branch Report No. :

2. I admit I have committed the offence and I accept the offer to compound and enclosed herewith is the payment by *cash/money order/postal order/bank draft No. crossed with the words "Account Payee Only" made payable to the "Authorized Officer" or through *credit card/debit card/charge card/prepaid card or any other forms of electronic fund transfer for the sum of RM (..... (in words) ringgit only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of Form 2.

Signature :
Name (in capital letter) :

*Identification Card No./ :
Passport No.
For and on behalf :
(if applicable) (name of *company/business/other body)
*Registration No./License No. :
(if applicable)
Official stamp of *company/ :
business/other body
(if applicable)
Address :
:
:
Date :

**Delete whichever is inapplicable*

Made 8 April 2026
[KPDN.100-1/1/11; PN(PU2)410/JLD.8]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Minister of Domestic Trade and Cost of Living

Approved 10 April 2026
[KPDN.100-1/1/11; PN(PU2)410/JLD.8]

TAN SRI MOHD DUSUKI BIN MOKHTAR
Public Prosecutor of Malaysia